




WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE - 21 (WPA21)

Kursus / Bengkel



واوسن وُخدمَتَن عوام ابدك - ٢١
WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21




JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

CERTIFIED
ISO 9001




ISI KANDUNGAN

KESELURUHAN



TAKLIMAT WPA21



TITAH KDYMM

TITAH | PENGENALAN WPA21

*Petikan titah sempena Hari Keputeraan KDYMM
ke-54 Tahun, 15 Julai 2000*


...Kerajaan Beta telahpun **menetapkan suatu Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21** yang bertujuan antara lain bagi **mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan serta keupayaan di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan**. Wawasan ini dihasratkan akan dapat dihayati oleh sekalian anggota Perkhidmatan Awam bagi menjamin kejayaan masing-masing. Telah sampailah masanya untuk kita memantapkan sikap cecal dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita...





واوسن وُخدمتن عوام ابد كـ ٢١ـ
WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21

PENGERTIAN LOGO WPA21





واوسن وُخْرْمَتَن عوام ابدك-٢١

WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21

***"Untuk menjadikan
Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam
yang sentiasa membangun
dan berusaha dengan
gayanya tersendiri menurut
calak Islam dalam
persekitaran yang sihat dan
selamat di bawah inayah
dan petunjuk Allah
Subhanahu Wata'ala"***





RASIONAL

- Keadaan masa akan datang yang tidak dapat dipastikan (***Uncertainty***)
- Kehendak dan kesan globalisasi (***Globalization***)
- Ketahanan dan daya saing (***resilience & Competitiveness***)
- Ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat (***Customer's Expectation***)
- Faktor Ekonomi dan Cabaran Sosial (***Economic Factors and Social Challenges***)
- Kemajuan dan Kepadatan Teknologi Info-Komunikasi (***ICT***)
- Pencapaian agensi awam sejajar dengan Wawasan Brunei 2035



TUJUAN



- **Mendukung hasrat negara (Titah)**
- **Arah tuju** dan **fokus** serta memperkukuh dan menyatukan usaha pembaharuan & penambahbaikan (P&P)
- **Galakan** kepada anggota Perkhidmatan Awam untuk melakukan yang terbaik
- **Sumber rujukan** dan **asas panduan** Agensi Awam bagi apa jua perancangan dan aktiviti
- **Landasan (*platform*)** bagi mengiringi usaha/ strategi bagi mempertingkatkan lagi kemampuan pentadbiran dan pengurusan

TITAH KDYMM

TITAH | 21 OKTOBER 2010 | Rancangan Untuk Memajukan Perkhidmatan Awam



...“Beta suka mengingatkan, bahawa apa pun rancangan untuk memajukan Perkhidmatan Awam, sama ada ia dalam bentuk pelan strategik atau pelan pembaikan berterusan, maka kita adalah mustahak untuk memastikan, bahawa perkara-perkara yang asasi dan utama tidak diabaikan. Di antara perkara tersebut ialah seperti kedatangan, komitmen, dedikasi, disiplin dan integriti. Jika perkara-perkara ini tidak ada atau kurang mantap, maka apa pun usaha untuk pembaharuan pengurusan dan teknologi, tidak akan berhasil. Inilah nilai-nilai yang mesti dimiliki dengan sempurna. Kerana ia merupakan intipati pengurusan dan sumber tenaga manusia...”

TITAH | 04 DIS 2013 | Pemberian Perkhidmatan yang Efisien dan Berkesan

...“Perkhidmatan Awam, adalah nadi dan jentera kerajaan, yang berperanan antara lain untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Bagi memenuhi peranan ini, pemberian perkhidmatan kepada orang ramai perlulah efisien dan berkesan. Ini bermakna, pengurusannya perlulah mudah dan adil menepati keperluan tersebut.

Adalah menjadi tanggungjawab Perkhidmatan Awam juga, untuk mengetahui secara berterusan mana-mana perkhidmatan yang tidak menepati keperluan orang ramai hendaklah diperbaiki dengan segera...”





PERANAN & FOKUS

Peranan Tradisi:

- Pemelihara Keamanan
- Penguatkuasa Undang-Undang
- Pengawalatur
- Penyedia Perkhidmatan

Peranan Utama:

- Pemudahcara
- Pengembangmaju dan pembawa pembaharuan
- Pemikir

Dasar

- Panduan asas dalam merancang, menilai, memantau, mentadbir dan mengurus P&P (Penilaian prestasi, FR, GO, dll)

Struktur Organisasi

- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi serta kualiti penyampaian perkhidmatan (penelitian semula tugas/ proses/ prosedur / sistem)

Pelakuan Organisasi

- Pembangunan sumber tenaga manusia (kecekapan, keupayaan, kemahiran, kelayakan & sikap)



Dipantau melalui **pelaksanaan program/ projek pembaharuan dan penambahbaikan (P&P)** berterusan di kementerian / jabatan berkaitan dengan tiga (3) fokus.

Mulai **Tahun 2001**, WPA21 dipantau melalui penyediaan **Laporan Kemajuan Perlaksanaan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21** setiap tahun.

STRATEGI PELAKSANAAN

clideo.com

STRATEGI P&P

Lain-lain strategi ke arah
pembaharuan dan penambahbaikan Perkhidmatan Awam

Contoh



TITAH KDYMM

TITAH | 22 FEB 2005 | Jentera Perkhidmatan Awam

*Menyentuh mengenai pembangunan Negara yang mantap, adalah sangat bergantung kepada **jentera Perkhidmatan Awam** yang dapat memenuhi keperluan dan harapan masyarakat. Lalu untuk itu, Kerajaan Beta telah mewujudkan satu **Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21**. **Setiap agensi Kerajaan hendaklah memastikan diri masing-masing dapat mencapai matlamat wawasan tersebut. Semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan dikehendaki mengenalpasti isu-isu yang mempunyai kepentingan dan nasional bagi dibincangkan dan seterusnya diselaraskan bersama...***





Q&A

Terima Kasih



Alamat Jabatan Perkhidmatan Pengurusan | Jabatan Perdana Menteri | Jalan Menteri Besar | Bandar Seri Begawan BB3910 | Negara Brunei Darussalam



Telefon
+673 2382064 | 5 | 6



E-mel info.msd@msd.gov.bn



Laman Web
<https://www.msd.gov.bn>



Fax
+673 2382062

